7. Maaf sekali lagi kalau pendapat Rimba Emas telah mengganggu atau menyinggung perasaan nama-nama yang telah disebut tadi.

Kepada Faridina terima kasih kerana sudi membantu orang di utara ini. Khabarkan berita PPBM untuk orang Kepala Batas . Ya kalau tak silap meehoon kuning Lahar Kepar kut.

Wallahua'lam .

43.  [Log in to Reply joetachi](#) Sep 15, 2016 6:43 PM

<https://youtu.be/3pudYMqN2Yc>

\*\*\*\*\*

#esokHariMALAYSIA

Dah brapa usia...?

Dah jadi apa...?

\*\*\*

#semalamkeluarborang

Bg 2hengget bila dipulang,

Nk bagi seratus pun lg senang...!

??

#kelmarinhariselasa

Nak kata saman dh brapa lama.?

Nak kata sebulan.....

Itu tanda tanya....

-Tanya\$iaapa-

\*\*\*\*\*

#SekarangHariHakiki

Apa barang..? Siapa mengerti..?

<http://titiantasbih.blogspot.my/2012/09/dunia-ini-hanya-ada-tiga-hari-sahaja.html?m=1>



44. [Log in to Reply](#) **Sri Sense** Sep 15, 2016 6:10 PM

Salam Tun

Maaf dah beberapa hari tak jengah sini. Sibuk sikit.

Membaca tulisan Tun kali ini, buat I terfikir tentang isu nak roboh patung helang Langkawi. Perlukah?

Bukankah Langkawi merupakan pusat tumpuan pelancongan dan antara tarikan utamanya patung seekor helang ini yang berhampiran dengan Jeti Kuah.

I dah lama tak pergi Langkawi. Dulu I pernah pernah pergi makam Mahsuri, nampak ramai pelancong luar bayar niat disitu. Macam2 ada situ, tengok pun dah tau. Kat patung helang tu tak nampak

pula.

Anyway I rasa mereka2 yang bawa isu ini sebenarnya tak ada kerja lain nak buat tetapi ada kerja banyak nak kacau apa saja yang berkaitan dengan Tun Mahathir.

Buruk betul perangai tu. Dosa tau.



45. [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** Sep 15, 2016 10:36 AM

Salam!

Boleh je kita buat patung. Kalau Nabi Sulaiman boleh, kenapa kita tak boleh pulak? Ugama kita sepatutnya sama dengan ugama Nabi Sulaiman kan?

Ni terjemahan Al-Quran dari website Jakim...

[34:012]

Dan bagi Sulaiman Kami tundukkan angin untuk perjalanannya diwaktu pagi sebulan, dan petangnya sebulan; dan Kami alirkan bagi-Nya mata air dari tembaga; dan sebahagian dari jin untuk bekerja di

hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan sesiapa dari jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami, Kami akan rasakannya azab neraka.

[34:013]

Mereka bekerja untuk Nabi Sulaiman apa yang ia kehendaki dari bangunan-bangunan yang tinggi, dan PATUNG-PATUNG, dan pinggan-pinggian yang besar seperti kolam, serta periuk-periuk yang tetap di atas tungkunya. Beramallah kamu wahai keluarga Daud dengan bersyukur kepada Allah! Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hamba-Ku yang bersyukur.



46. [Log in to Reply](#) **Hang Jebat Derhaka** [Sep 15, 2016 9:45 AM](#)

Larangan pembuatan lukisan dan patung sudah sering sekali terdengar di kalangan umat Islam. Hal ini diperoleh dari hadis Nabi sebagai sumber hukum kedua dan kewajiban kita sebagai umat Islam adalah mengikuti dan mengamalkan hukum-hukum dan pengajaran yang terdapat di dalamnya. Di antara ulama' ada yang bersikeras melarang membuat lukisan/patung dan ada pula yang memberikan kelonggaran.

Redaksi hadis yang melarang keras membuat lukisan dan patung ini sebenarnya tidaklah lepas dari sosio-historis masyarakat Arab zaman dahulu. Mereka menjadikan patung-patung berhala sebagai sesembahan dan keinginan Nabi saw adalah menghapuskan segala hal yang dapat membawa manusia menyekutukan Tuhan.

Tidak jauh berbeda dengan budaya di Indonesia sebelum kedatangan Islam, masyarakat saat itu juga mempercayai adanya kekuatan dari ruh-ruh nenek moyang yang menempel atau menjelma ke dalam batu-batu besar. Sehingga mereka menjadikan batu-batu tersebut sebagai Tuhan dan berkeyakinan bahwa manusia akan mendapat berkah jika memujanya. Setelah kedatangan Islam, budaya menyembah patung/batu lambat laun mulai hilang karena peran ulama' yang mengislamisasikan budaya tersebut.

Redaksi Hadis Seputar Larangan Lukisan dan Patung

صَفَّيْتِهِ فِي قَرَأَى نُمَيْرِ بْنِ يَسَارٍ دَارٍ فِي مَسْرُوقٍ مَعَ كُنَّا قَالَ مُسْلِمٍ عَنْ شِئْءٍ الْأَعْمَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ حَدَّثَنَا  
يَوْمَ اللَّهِ عِنْدَ عَذَابِ النَّاسِ أَشَدَّ إِنَّ يَقُولُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى النَّبِيِّ سَمِعْتُ قَالَ اللَّهُ عِنْدَ سَمِعْتُ فَقَالَ تَمَائِيلَ  
الْمُصَوِّرُونَ الْقِيَامَةَ

Aku suatu ketika berada bersama Masruq di rumah Yasar bin Numair, maka Masruq melihat di serambi rumah beberapa buah patung, lalu Masruq berkata: "Aku mendengar dari Abdullah sabda nabi kepadanya: "Bahwa sesungguhnya manusia yang paling keras diadzab pada hari kiamat ialah pembuat sesuatu rupa." [1]

Hadis dan Hukum Larangan melukis dan membuat Patung

Setelah ditelusuri melalui CD Mausu'ah al Hadis al Syarif, maka hadis di atas juga dapat dijumpai dalam kitab Shahih Muslim no. 3943, 3944, Sunan an Nasa'i no. 5269, dan Musnad Ahmad bin Hanbal no. 3377 dan 3845. Jalur periwayatan hadis diatas bersambung dan kualitas para perawi adalah shahih.

Melukis dan Membuat Patung Kebiasaan orang Arab Pra Islam

Sebelum Islam datang, bangsa Arab telah menganut yang mengakui Allah sebagai Tuhan mereka. Kepercayaan ini diwarisi turun-menurun sejak nabi Ibrahim dan Ismail. Al-Qur'an menyebutnya dengan Hanif, yaitu kepercayaan yang mengakui ke-Esaan Allah sebagai pencipta alam, Tuhan menghidupkan dan mematikan, Tuhan yang member rizki dan sebagainya. Kepercayaan terhadap

Allah tersebut tetap diyakini oleh bangsa Arab sampai kerasulan Muhammad SAW. Hanya saja keyakinan itu dicampuradukan dengan tahayyul dan kemusyrikan, menyekutukan Tuhan dengan sesuatu dalam penyembahan kepada-Nya, seperti jin, roh, hantu, bulan, matahari, tumbuh-tumbuhan, berhala dan sebagainya. Kepercayaan yang menyimpang dari agama Hanif itu disebut agama Watsaniyah.

Watsaniyah, yaitu agama yang memperserikatkan Allah dengan mengadakan penyembahan kepada: Aushab (batu yang belum memiliki bentuk), Autsan (patung yang dibuat dari batu) dan Ashaam (patung yang terbuat dari kayu, emas, perak, logam dan semua patung yang tidak terbuat dari batu).[2] Penyimpangan itu terjadi perlahan-lahan. Mereka menyatakan berhala-berhala itu sebagai perantara terhadap Allah. Allah tetap diyakini sebagai yang Maha Agung. Tetapi antara Tuhan dan makhlukNya dirasakan ada jarak yang mengantarinya. Berhala-berhala berlambang malaikat, putera-putra Tuhan. Berhala menjadi kiblat atau penentu arah dalam penyembahan dan peribadatan. Berhala diyakini sebagai tempat bersemayamnya roh nenek moyang mereka yang harus dihormati dan dipuja. Demikian juga diantara mereka ada yang mempertuhankan binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan sebagai anasir yang memberi pengaruh terhadap alam semesta dan kehidupan manusia.

Kondisi semacam ini terus berlangsung dan berkelanjutan hingga kehadiran Muhammad putra Abdullah. Nabi yang dijanjikan tersebut datang untuk membersihkan syirik yang telah mengakar pada keyakinan mereka dan mengembalikannya kepada garis tauhid. Kerasulan Muhammad SAW dengan misi tauhid tersebut harus dihadapkan pada kondisi masyarakat Arab yang telah kental dengan berhala, patung, lukisan dan segala macam objek ritual-relegious dengan wajah syirik dan penyimpangan. Beberapa masyarakat Arab telah mahir melukis, memahat dan segala macam usaha demi menciptakan sesembahan yang diinginkan. Bahkan tidak sedikit dari mereka yang menjadikannya sebagai punggung pendapatan sehari-hari mengingat banyaknya order dari para masyarakat. Sebuah cerita menggelitik datang dari al-Qurthubi bahwa ia menceritakan:

جَاعَ ثُمَّ عَجْوَةٌ مِنْ صَتْمِهِ لَعَمِ بَعْضُهُمْ أَنْ حَتَّى شَيْءٍ كُلِّ مِنَ الْأَصْنَامِ يَغْمَلُونَ كَانُوا الْجَاهِلِيَّةِ أَهْلٌ أَنَّ الْقُرْظِيَّ وَذَكَرَ مَا كَلَّهُ.[3]

"al-Qurthubi menyebutkan bahwa sesungguhnya orang jahiliyyah adalah mereka yang membuat berhala-berhala, bahkan sebagaian dari mereka membuat berhalanya dari roti kemudian ketika ia lapar maka ia memakannya".

Tampak bahwa masyarakat arab pada waktu itu sedang terjangkit virus syirik yang telah melembaga dan membudaya. Nabi, dengan inspirasi wahyu mencoba dan berusaha menjauhkan mereka dari kegiatan keji tak berdasar itu. Bukan hal yang mudah memang, akan tetapi sedikit demi sedikit orang-orang "lulusan" syirik arab mulai menerima ajakan dan ajaran Muhammad SAW. Ajaran tauhid yang menetapkan ke-Esaan Allah tidak serta merta mereka pahami dan yakini. Terlebih, banyak diantara musyrik arab yang terus melanjutkan peninggalan nenek moyang itu. Sebagai Nabi, merupakan tugas utama bahkan sebuah kewajiban untuk menghindarkan umatnya dari belenggu penyimpangan dan keingkar. Perjumpaan seperti inilah yang terjadi diantara Nabi, umat muslim, dan para musyrik arab.

#### Urgentitas Pelarangan Pembuatan Lukisan dan Patung

Hadis yang menyebutkan bahwa "sesungguhnya manusia yang paling keras diadzab pada hari kiamat ialah pembuat sesuatu rupa" dan beberapa hadis lain yang menyebutkan larangan melukis, secara redaksional menegaskan larangan berbagai bentuk lukisan dan seni pahat (patung). Jika kita terburu-buru dan hanya memaknai hadis tersebut secara tekstual, maka larangan lukisan dan patung akan menjadi sebuah keharaman mutlak yang berlaku kapan dan dimanapun itu. Akan tetapi, untuk

mendapatkan pemahaman yang lebih komperhensif alangkah baiknya jika kita menelisik kembali sejarah dan dalam konteks bagaimana hadis itu disabdakan.

Beranjak dari setting sosio-historis kondisi masyarakat arab pada waktu itu, ternyata umat Islam belum lama sembuh dari penyakit-penyakit syirik yakni menyekutukan Allah dengan menyembah berhala, patung dan sebagainya. Sejarah menyebutkan bahwa awal mula penyembahan patung sebenarnya bermula dari sikap orang-orang pada zaman Nuh alaihissalam yang berlebihan dalam mengagungkan orang shalih. Setelah meninggal, mereka kemudian membuat patung orang-orang shalih tersebut. Karena semasa hidupnya diagung-agungkan oleh masyarakat, maka setelah meninggal, patung-patung orang salih tersebut lama-kelamaan dijadikan sebagai sesuatu yang suci bahkan sebagai sesembahan. Dalam kapasitasnya sebagai rasul. Nabi SAW berusaha keras agar masyarakat umat Islam waktu itu benar-benar sembuh dari kemusyrikan tersebut. Salah satu cara yang ditempuh adalah dengan mengeluarkan fatwa larangan melukis, memproduksi, atau memajang lukisan atau berhala (patung). Bahkan disertai dengan ancaman yang sangat keras. Imam al-Thabari mengatakan: yang dimaksud dengan lukisan (patung) pada hadis ini adalah segala sesuatu yang diciptakan untuk disembah.[4] Dengan demikian, larangan adanya lukisan atau patung tidak terlepas dari wujud penghambaan dan pengkultusan terhadapnya. Meski umat Islam telah menadapkan ajaran tauhid, Nabi tetap merasa khawatir terhadap umatnya jika dibiarkan membuat dan memampang patung. kondisi semacam ini sesuai dengan sabab wurud hadis ini.[5]

Masyarakat kita berbeda-beda dalam menanggapi hadis seputar larangan lukisan dan patung. Mereka memiliki argumen masing-masing untu mempertahankan pendapatnya. Kelompok pertama, melarang keras segala rupa patung dan gambar dengan alasan patung dan gambar dapat menjadi sarana kesyirikan, karena awal mula dari kesyirikan dan kekufuran adalah adanya pemujaan terhadap patung dan berhala. Selain itu terdapat hadis yang menyatakan dengan jelas larangan menciptakan sesuatu yang menyerupai ciptaan Allah. Kelompok kedua, membolehkan pembuatan lukisan dan patung karena di masa sekarang tauhid telah melekat dalam jiwa umat Islam dan tidak dikhawatirkan lagi terjadi syirik disebabkan patung-patung tersebut. Kelompok ketiga, membolehkan patung dan lukisan hanya pada benda-benda tertentu. Yaitu, pada makhluk yang tidak bernyawa atau pada makhluk bernyawa yang tidak disempurnakan bentuknya.

Respon Muslim Indonesia terhadap Larangan Lukisan dan Patung

Sebelum Islam datang ke wilayah Indonesia, masyarakat kita pun telah mempercayai adanya kekuatan "di luar" kekuatan manusia. Kepercayaan mereka dikenal dengan sebutan Animisme (kepercayaan terhadap ruh-ruh yang memiliki kekuatan gaib) dan Dinamisme (kepercayaan terhadap benda-benda yang dianggap memiliki kekuatan karena ditempati atau merupakan perwujudan dari ruh). Ruh-ruh tersebut dapat melekat pada benda-benda alam seperti batu-batu besar, pohon, danau, dan lain sebagainya. Agar ruh-ruh tersebut dapat memberikan berkah serta kesejahteraan bagi manusia, memberikan kesuburan tanah untuk bercocok tanam, dan berkembangnya hewan-hewan ternak mereka, maka diadakan upacara-upacara khusus disertai dengan sesaji. Hal ini bisa dilihat dengan adanya bangunan-bangunan batu besar di masyarakat sekitar kita. Bangunan tersebut digunakan sebagai sarana penghormatan dan pemujaan terhadap arwah nenek moyang.

Upacara pemujaan ini masih tetap berlangsung sampai akhirnya Islam tersebar di nusantara. Namun, budaya masyarakat yang telah melekat sedemikian lama tentu tidak serta merta bisa dihapuskan begitu saja. Karena Islam datang dengan kedamaian, budaya masyaraat kita tidak seluruhnya dihapuskan oleh para ulama' yang menyebarkan agama melainkan diimbangi dengan ritual-ritual islami. Dengan harapan, agar masyarakat lebih cepat menerima ajaran Islam. Salah satu contohnya

adalah wayang yang dibawa oleh Sunan Kalijaga. karena pada waktu itu masyarakat masih mengagumi patung-patung, maka Sunan Kalijaga menjadikan wayang sebagai media dakwah Islam. Dan keberhasilan beliau terbukti dengan tersebar luasnya Islam di tanah Jawa.

Catatan kaki

[1] Imam Bukhari, Shahih Bukhari dalam CD Mausū'ah al Hadis al Syarif , Kitab al Libas, Bab. Adab al Mushawirin yaum al Qiyamah, no. 5494.

[2] Wildana Wargadinata dan Laily Fitriani, Sastra Arab dan Lintas Budaya, (Malang: UIN Malang Press, 2008), hlm.44.

[3] Al-Asqalany, Fathu al-Bary fi Syarh Shahih Bukhari, CD ROM al-Maktabah al-Syamilah. Juz 17 hlm. 56.

[4] Al-Asqalany, Fathu al-Bary fi Syarh Shahih Bukhari, CD ROM al-Maktabah al-Syamilah. Juz 17 hlm. 56.

[5] Diceritakan bahwa suatu saat Ibnu Shubaih bersama Masruq memasuki rumah yang didalamnya terdapat patung Maryam. Maka Masruq pun mengingatkan bahwa Ibnu mas'ud telah meriwayatkan bahwa Rasulullah SAW telah mengancam orang-orang pembuat patung. lihat: Ibrahim bin Muhammad Kamaluddin yang terkenal dengan Ibnu Hamzah al-Dimsyaqi al-Husaini, al-Bayan wa al-Ta'rif fi Asbab Wurud al-Hadis al-Syarif. (Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah, tt), juz II, hlm. 40.



47. [Log in to Reply faridina](#) Sep 15, 2016 9:01 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Mohon kebenaran berbicara menggunakan laluan yang entah mengapa begitu sepi sejak kebelakangan ini, mungkin ramai sedang bercuti dan menggunakan masa berkualiti dengan keluarga tercinta masing2, elok tu.

Buat sahabat kami Rimba Emas, pandangan saudara sungguh tajam sekali dan penuh dengan pengisian dengan lenggok bahasa yang cukup sopan dan tertib.

Saudara seperti kami adalah orang2 kecil yang tiada mendapat tempat di mata orang2 yang mengelilingi ayahanda Tun samada Tun ada membaca atau tidak dan walaupun kini mungkin semua pembaca sudah mengetahui bahawa Tun boleh dihubungi melalui [sufi71@gmail.com](mailto:sufi71@gmail.com) namun samada mendapat balasan atau tidak, itu soal lain.

Kami sememangnya amat mengagumi pemikiran dan kepimpinan ayahanda Tun dan sedang mengulang baca buku memoir beliau dalam mengenali ayahanda dengan lebih mendalam.

Peribadi Tun sememangnya begitu tidak suka dipuji berlebih-lebihan atau kelihatan membodek beliau tapi apa yang kita kejar akan ternampak jua kalau kita tidak ikhlas.

Oleh yang demikian saudara Rimba Emas jauh sekali hasrat kami mencari kedudukan dalam parti baharu yang kelihatan ikhlas membela rakyat ini dan tidak juga untuk menjadi urusetia kerana dikeliling Tun ramai yang sudah kelihatan setia untuk mengurus.

Apapun kehadiran kami, saudara dan ramai lagi komentator2 bijaksana dalam blog ini adalah suara2 layman dan langsung mewakili rakyat marhaen kecuali seorang dua yang mungkin kenalan rapat Tun dan dalam kumpulan elit.

Tidak mengapa hasrat kita cuma mahukan satu platform yang dapat membela kita rakyat dan lebih penting untuk kesejahteraan generasi anak dan cucu cicit kita.

Terus terang kami nyatakan politik itu kotor dan ada yang berkata perlu berjiwa besar? Kita dididik untuk menambah kawan bukan lawan tapi dalam politik hari ini kawan esok lawan dan sebaliknya.

Namun hari ini apa alternatif yang kita ada bilamana semua saluran telah ditutup, yang ada yang dikira demokratik adalah melalui peti undi dan platform politik sahajalah jawapannya.

Kehadiran kita mungkin boleh membuka minda pembaca2 setia blog ini untuk bersama PPBM dan sekiranya PPBM lari dari landasannya kita juga bebas menegur melalui blog ini.

Akhir kalam saudaraku, ingatlah mutiara kata ini ;

“Seburuk2 Najib ada baiknya”

oops jangan salahfaham pula,

maksudnya ;

Baik dari segi kita belajar dari kesalahan atau kemungkaran yang disengajakan..

Baik kerananya kita bersatu menolak kemungkaran walau berbeza ideologi..

Baik kerana tidak akan mengulangi kesilapan2 besar Najib..

Baik kerana kita mula menyedari betapa rakyat hari sememangnya sedang menderita disudut ekonomi..

Baik kerana rakyat marhaen seperti anda semua dan kami akan bersuara sekiranya janji tidak ditepati..

Baik kerana kita bebas dari bertuhankan wang ringgit..

Dan banyak lagi..

PPBM Berjaya..

Rakyat Terpelihara..

PPBM Berjaya..

Rakyat Sejahtera..

Wasalam Tun.

p/s – InsyaAllah sdr Rimba Emas kalau ada program PPBM di utara boleh kita pekena mee hoon kuning

utara dengan dagin mungkin di Kepala Batas nor .



48. [Log in to Reply Tun Perak](#) [Sep 14, 2016 11:27 PM](#)

Rather drawn into polemics, what Islam forbids is siphoning of money for personal indulgence. Since money is scarce resources, it had to be managed properly by responsible, honest and professional parties and not by 29 year old baby face JLO.

According to DOJ documents, “Trengganu Investment Authority” and later formed into “1MDB” was founded by JLO , 1MDB officer 1 with the help of Goldman. TIA was supposed to invest the state fund from the oil operation but what it actually did was to borrow large debt with the help of cohorts Goldman, and later, part of the debt were channel into individual accounts.

What ever plan to invest and get return for the nation is alright. What is forbidden is to siphon part of the money into individual account, for personal indulgence – pay gambling debt, buy luxury yacht, luxury times square apartment and etc.

What Islam forbids in siphoning money is much more than what Islam forbids in having statue not for worshiped. Building statue for worship was done by many non-muslim in Malaysia , whether in Selangor, or Kedah, or Kuala Lumpur or Kelantan. So, why need a polemic when the statue is built not for worship ?

49.  [Log in to Reply rimba.emas](#) Sep 14, 2016 11:21 PM

Salam Tun , Faridina dan lain-lain.

1. Mohon izin Tun (Adakah Tun membaca ruangan komen ini ?) berbicara pada Faridina , sebab Rimba Emas terasa Tun macam ' silent ' tidak aktif dalam ruangan komentar.
2. Maaf jika tersilap dengan kata-kata ini sebab Rimba Emas jarang mendapat jawapan dari Tun kembali terhadap penkomen dalam ruangan komentar chedet ini.
3. Adakah sebab itu ada yang mengkritik Tun boleh tersiar dalam ruangan ini ? .
4. Seinggakan Faridina tidak kenal siapa nama pengendali iaitu bahagian pentadbiran (admin) .
5. Sepatutnya Faridina yang pernah menjawab dan mengenal Rimba Emas patut di beri peluang menjadi urusetia dalam PPBM.
6. Tidak tahu pula adakah yang aktif menulis dalam chedet ini terkeluar atau terasing dalam kalangan ahli politik yang didampingi oleh Tun.
7. Bukan apa Rimba Emas rasa kasihan sebab ada beberapa nama di sini (Dapat tahu sendiri) setia menyokong apa yang Tun cakapkan ,tidak seperti Rimba Emas akan komen Tun jika rasa pendapat yang silap.
8. Nampak yang aktif bercakap dalam chedet bukan rakan-rakan yang diajak sebagaimana rapatnya Tun dengan ahli politik yang pernah jadi pesaing dan lawan Tun.
9. Rimba Emas dan rakan-rakan chedet bukan apa ingin mengingatkan Tun bahawa rakan-rakan dalam politik atau pernah di ambil bekerjalah boleh menjadi kawan kepada lawan kita.
10. Contohnya siapakah yang terlibat dalam memenjarakan Datuk Sri Anwar ? tidakkan yang pernah bekerja dan mengenalinya.
11. Walau pun kami di chedet bukan rakan yang mahu di buat teman berbicara atau bekerja cuma menyokong sahaja seperti rakyat ramai lain, tetapi kudrat kami sanggup berbicara dalam chedet ini daripada rakan Tun yang lebih berbicara dalam rungan milik sendiri umpama pesaing Tun.
12. Lihatlah walau pun Tun berbisu kepada kami , rakan-rakan dalam chedet seperti Faridina tetap setia menulis dalam chedet.

13. Faridina di lihat sanggup bekerja secara sendirian berhad mungkin mampu dalam kewangan tidak sebagaimana Rimba Emas memerlukan kewangan untuk bergerak lebih-lebih lagi jika ingin aktif dalam parti PPBM.

14. SELAMAT MAJU JAYA KEPADA PPBM.

Allah s.w.t bersama-sama orang yang benar.

Wallahua'lam.



50. [Log in to Reply faridina](#) [Sep 14, 2016 10:58 PM](#)

Assalam Dearest Tun,

Well not to worry Sir, true as you said the modern Muslims know that these statues are not gods and they will not be worshipping them.

We love to look at different angle as far as modernisation and the observances of Islam is concerned in our Muslims community.

Well that is why we purposely put down the transcript of the hard truth interviews by LKY to strengthen the common views that the Muslims of today are more observance in the teaching of Islam EVEN in Singapore so to speak.

Even LKY admitted that as we moved forward with modernisation and with the resurgence of Islam due to the so called oil age controlled by the arabs the Muslims of today are totally different as compared to that of the 50's and 60's.

That is why our modern children of today will hardly believe during that period of time their grandparents were actually going to the parties dancing cha-cha and drinking beers and even going for the beauty pageant contest.

The mufti worries and concern therefore were plus minus 50 years to late.

Islam always preach for fairness and in Malaysia it is understandable that we have already learnt to accept each other cultures and beliefs in a multiracial nation.

Therefore it's okay for your country to have a beer factory, casino's, non-halal restaurants or licensed betting centred to cater for the needs of non-Muslim.

Aren't we Muslims of today are better in the 'aqidah' even we don't mind seeing a non-Muslim having lunch in front of us during fasting month, you don't go working in the beer factory or casinos and we don't play sports toto or magnum and only eat at halal food outlets.

Love to hear from uncle LKY that Islam here is by sailing ships (by commerce) not by sword and thus we Muslims want to live in peace and harmony and we do have Chinese and Indian friends whom we treat like part of our family.

Let's us hold our hands together and bring down the regime which do not observe the teaching of Islam and their actions were most unIslamic today.

Lets cry together<sup>2</sup> for our Malaysia!

Wasalam Tun.

p/s – Tun do your grandchildren says "Tabik datok anak cucu tumpang lalu" while going hiking in some forest maybe? For sure NO lah

51.  [Log in to Reply](#) **anti rasuah** [Sep 14,2016 9:41 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Sudahlah Karl-bing, usahlah mahu menegakkan benang yang basah.

Perlu kita ingat:

Jika kita bodoh, kita tidak menyusahkan orang lain.

Tetapi, jika MO1 bodoh, dia menyusahkan 30 juta rakyat Malaysia.

Tolonglah nasihatkan MO1 tu. Cukuplah ahli-ahli UMNO dia perbodohkan.

Janganlah hendaknya orang lain terlibat.

Terima kasih Tun.

52.  [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** [Sep 14,2016 6:49 PM](#)


Salam!

Ada siapa-siapa rasa keimanan serta ketakwaan anda lebih hebat dari Nabi Sulaiman?

Nabi Sulaiman pun suka "statues".

[34:12] To Solomon we committed the wind at his disposal, traveling one month coming and one month going. And we caused a spring of oil to gush out for him. Also, the jinns worked for him, by his Lord's leave. Any one of them who disregarded our commands, we subjected him to a severe retribution.

[34:13] They made for him anything he wanted – niches, STATUES, deep pools, and heavy cooking pots. O family of David, work (righteousness) to show your appreciation. Only a few of My servants are appreciative.

53.  [Log in to Reply](#) **Hajar** [Sep 14,2016 6:17 PM](#)

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

“SELAMAT HARI RAYA KORBAN (AIDIL ADHA)” buat Tun dan keluarga.

Pengorbanan dan jasa Tun terhadap negara amat banyak dan tidak ternilai dengan wang ringgit.

Tun teruskan bercakap tentang apa saja isu semasa, termasuk hal2 berkaitan agama (yang kebanyakannya asas / basic saja; sesiapa pun ada hak untuk bincang seperti isu patung).

Tun jangan hiraukan kata2 NISTA dari mereka yang mencela Tun bahawa kononnya Tun tidak berbuat apa2 untuk memartabatkan Islam di Malaysia semasa berkuasa.

Setahu saya Tun yang bertanggung-jawab untuk tidak lagi membenarkan hidangan ARAK pada acara2 rasmi Kerajaan (saya ada baca mengenai hal ini). Dahulu minum arak perkara biasa bagi sesetengah pemimpin2 Islam di Malaysia (pengaruh British).

Semasa Tun PM, banyak usaha2 dilakukan untuk menambah-baik pelbagai sistem di Malaysia dengan memperkenalkan perBANKan (contohnya) Islam, dan lain2 kaedah mengikut cara2 Islam di Malaysia samada dalam Kerajaan atau GLC/swasta.

Ada banyak lagi sumbangan Tun dalam memartabatkan Islam yang menjadikan Malaysia Negara Islam contoh bagi banyak negara2 lain di dunia. Cuma orang buta dan dungu saja yang tidak mahu mengakui sumbangan Tun.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

54.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) [Sep 14, 2016 5:29 PM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Ingin saya utarakan satu konsep yang penting di sisi ajaran.

Jangan perguna Islam untuk menganiaya insan-insan lain yang tidak berdosa. Kini terdapat seorang prof “ultra kiasu” yang sering memakai nama Islam untuk menghantam bangsa Cina bertubi-tubi, demi meningkatkan imej peribadi di kalangan umat-umat.

Umat-umat kenalah insaf apa yang betul dan apa yang salah. Janganlah umat-umat terpedaya dan terjerumus ke lembah kebencian secara buta-butu!


55.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) [Sep 14, 2016 5:17 PM](#)

Assalamualaikum, Tun.


Penyembahan patung diharamkan. Namun, patung untuk tujuan permainan dan sebagainya, yang tidak bersangkutan dengan ajaran, sesungguhnya dibenar. Islam adalah sebuah agama yang bertamadun.

Yang penting sekarang ialah umat-umat kenalah faham erti dan nilai-nilai murni ajaran Islam. Janganlah terdapatnya umat-umat di Negara ini yang berpendapat bahawa selepas terbabit dalam korupsi, menunaikan ibadat haji dapat "membersihkan" diri daripada dosa-dosa yang telah dilakukan.

Dosa korupsi akan tetap menghantui si berdosa sampai ke akhirat nanti.


56.  [Log in to Reply zulu](#) [Sep 14,2016 11:41 AM](#)

@KibDahlan...not only Najis from UMNO leadership...but those slaves who boot lick Najis as well...they are more dangerous to Malaysia's future.

57.  [Log in to Reply amir yusof](#) [Sep 14,2016 10:58 AM](#)

Ya Hanana ?

<http://www.fort-russ.com/2016/09/islamic-hero-defies-raging-islamists.html>

58.  [Log in to Reply zulu](#) [Sep 14,2016 10:32 AM](#)

"Najib: 15 LRT power substations to be upgraded"

This is a very negligible project and this announcement coming out from a PM...LOL

This shows Najis desperately wanted to be in limelight.

59.  [Log in to Reply faridina](#) [Sep 13,2016 3:23 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Teringin mengulas tulisan farock pada Sep 12,2016 2:29 PM.

Kesian tengok farock terpaksa berkorban pemikiran keluar dari persaraan buat sementara waktu hanya kerana isu agama yang di bawah oleh Tun. Oklah tu sempena hariraya korban kita korbakan sedikit prinsip tak gitu.

Selepas hajat menulis tertunai sudah, maka eloklah bro teruskan niat nak bersara tu sebab terus terang kami katakan apa sahaja yang ditulis oleh ayahanda Tun tidak akan dapat memenuhi citarasa kamu.

Sori Rock, Tun sudah boleh atau sudah bebas bercakap tentang isu agama sebab Tun bukan lagi ahli

UMNO tetapi ahli PPBM

Orang2 UMNO memang jahil tak pentingkan agama Islam tengoklah Rock depa bersengkongkol dengan orang yang terang2an mencuri dan mengamalkan politik wang haram lantas menghalalkan segala salahlaku.

Rock, barang yang lepas jangan dikenang, jangan kita asyik merintih dan waimanya kalu rock teriak 24/7 sampai jadi macam Kasim Selamat sekalipun kita tak akan dapat balik ke zaman pemerintahan Tun (kalau ikut hati kamipun bila rasa dizalimi rejim Najib memang teringin nak balik zaman Tun tapi tak boleh sebab mesin 'time traveller' tak siap lagi ).

Anda patut pergi ke blog DSN dan nasihatkan dia bab2 agama sebab dia yang maha berkuasa hari ni bukannya Tun.

Tun hari ni macam kita juga Rock sekadar rakyat biasa yang tiada apa2 lagi escort pun tiada maka Rock marilah kita sama2 berganding bahu pandang ke hadapan mungkin bro juga boleh join PPBM lantas tumbangkan kerajaan BN dalam PRU 14 nanti.

Sudahlah bro memandangkan Tun pun sekarang orang biasa macam kita juga tidak maksum maka apa jua yang berlaku dalam keluarga Tun tidak relevan lagi.

Wasalam Tun.

60.  [Log in to Reply](#) **Cly** [Sep 13, 2016 2:45 PM](#)

bersekutu mengundi parti yg mengamalkan rasuah secara terang terangan tu haram

61.  [Log in to Reply](#) **Karl** [Sep 12, 2016 11:20 PM](#)

Muslims have ambivalent stands on many issues, but to attack a religious edict may reinforce support for its perpetuation.

DrM should avoid poking the hornet's nest, and not use Islam to stir trouble.

62.  [Log in to Reply](#) **joetachi** [Sep 12, 2016 9:56 PM](#)

5 Rasul UlulAzmi  
kisah rasul..anak & isteri...

<https://youtu.be/7zD2McG3G2Y>

Qorban kambing, kurban unta,  
Tumbang seladang bukan selalu...!  
Saban banding, tauladan cerita..  
Tompang bertandang, bukan melulu..!

<https://youtu.be/WBEfJluO7rw>

\*difikirindifikirinsakitjantungan

#apasampaisiapacapai



63. [Log in to Reply](#) **musato** [Sep 12, 2016 8:42 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Selamat Hari Raya Aidil Adha.

Terasa dah lama pulak dah tak pergi beraya ke rumah terbuka Tun.

Last sekali saya pergi, sebenarnya saya lihat salah seorang anak angkat Tun membawa masuk kawan kawan pondannya melalui jalan belakang rumah Tun. Dia lalu betul betul di sebelah saya dan orang ramai yang sedang beratur.

Saya rasa saya pernah baca mengenai kegiatannya itu di dalam talian tak lama dulu.

Semua itu saya perhatikan ketika saya berasa sedikit kecewa kerana niat sebenar nak bersalam raya dengan Tun, tapi Datuk Sri Mukhriz je yang bersalam dan layan tetamu. Dah la perlu beratur panjang kan.

Tapi saya rasa Tun tahu yang saya datang beraya walau saya tak maklumkan terlebih dahulu. Bila dah dekat nak bersalam dengan Datuk Sri Mukhriz, tetiba Tun keluar mengambil alih tempat untuk bersalam.

Jadi, dapatlah bersalam raya dengan Tun seperti yang dihajatkan.

Baru baru ni viral jugaklah bila Tun bersalam dengan Anwar Ibrahim yang menggunakan kedua dua tangan.

Mungkin saya tidak sehebat Anwar Ibrahim, tapi gambar pertama kali beraya dengan Tun sebenarnya saya letak tangan saya di atas bahu Tun.

Maaflah sebab saya tak memakai pakaian yang cantik semasa itu. Kita orang kampung je. Handbag pun saya sandang kat bahu saya. Lagipun saya ponteng kerja masa tu dan tergesa gesa (janji sampai tepat pada waktunya – sebab saya dah bagitau nak sampai jam berapa dengan harapan jamuan raya tak habis lagi dan Tun masih menunggu).

Kesian lah bagi orang veteran tunggu lama lama lebih lebih lagi dalam 10,000 tetamu datang masa tu dan Tun nak layan karenah masing masing lagi kan.

Saya juga ada dengar pasal Marina Mahathir.

Tapi mungkin saya melihat dari sudut seorang pemimpin, suami, bapa, ayah angkat dan seorang manusia hambaNya yang ada musuh dan kawannya.

Terima kasih Tun.



saya tak ingin jadi ahli :  
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

آمين



67. [Log in to Reply](#) **balance** [Sep 12,2016 3:12 PM](#)

Tired Sep 10,2016 8:55 AM

Yes what you wrote is true as history proven it, but humans love to repeat mistakes. Religion and morals are good and effective when it is private and personal. Other than that it is a harmful tool to start a fight over views, interpretation and way-of-life. Sometime religion and it's moral rules become an obstacle to living. Do you think is it true that we have to be alive (survive) 1st before we can practice religion. So living is more important and we should be talking and paying attention to living more.



68. [Log in to Reply](#) **farock** [Sep 12,2016 2:29 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Selamat Hari Raya Aidiladha kpd semua muslimin muslimat.

Dah lama sy x menulis dlm chedet ni.tetapi isu agama telah membuatkan saya korbankan niat saya untuk berhenti menulis dan komen untuk isu ini.

Rasanya x perlu Tun bercakap ttg agama.

Bagi saya,org2 UMNO sejak dr dulu sampai sekarang jahil dan x pentingkan agama Islam.Kenapa hanya berbicara ttg patung yang haram?bagaimana dengan pembinaan kilang2 arak,tempat2 judi,kedai2 no ekor yg mana kebenaran n lesennya diberi oleh org2 UMNO sendiri termasuk Tun?Tun ada 25 tahun utk betulkan keadaan ini,tp ada x Tun ambil kesempatan untuk betulkan keadaan ini?beberapa hari lalu,anak perempuan Tun,Marina yg menjadi pembela kpd kaum pondan dan lesbian(yang turut diharamkan Islam)ada menulis dlm suratkhbar yg mempersoalkan pemakaian tudung n hijab utk org perempuan Islam.Ada x Tun betulkan pemikiran anak Tun itu?Mulakanlah pengajaran Islam dlm keluarga Tun itu dulu.dan siapakah yg meletakkan si Najib Pencuri n Rosmah Penjahat tu di tempat skrg kalau bukan Tun sendiri?Tun jadi PM pling lama dlm negara ni tapi x ambil kesempatan utk perbaiki apa2 pun.jadi menimbulkan keraguan di mana keikhlasan Tun bila betbicara ttg Islam.Saya sokong Tun dlm menentang Najib Pencuri n Rosmah Penjahat,tp sy rasa Tun n keluarga x layak berbincang ttg agama kpd org lain sebelum memperbetulkan diri sendiri.

Tun jg pernah menyamakan nama abg saya Kali dgn nama dewa Hindu.Di manakah Islam Tun pada masa tu?

WHEN ONE FINGER POINTS TO OTHERS,THE OTHER FINGERS WILL BE POINTING AT US BACK.

Jgn ludah ke langit dan jatuh ke muka sendiri.

Wassallam

69.  [Log in to Reply faridina](#) [Sep 12, 2016 5:44 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Selamat Hariraya Aidil Adha 2016 buat Tun sekeluarga dan sekalian pembaca budiman.

Korbankanlah masa dan tenaga kita untuk PPBM.

Korbankanlah sedikit wang ringgit kita untuk PPBM.

Korbankanlah persengkataan lama demi kelangsungan PPBM.

Korbankanlah UMNO yang kelangsungannya hanya membela Najib.

Kelmarin kami berpeluang mengikuti ceramah pertama PPBM di Ampangan, Seremban.

Sungguhpun tempatnya kecil disebelah jalan utama namun kehangatannya terasa sebaik sahaja kami tiba, jalan utama menjadi sempit apabila banyak kenderaan diletakkan dibahu jalan dan kesesakan lalulintas agak ketara sekaligus memberi isyarat yang cukup baik terhadap penerimaan rakyat kepada PPBM.

Gabungan mantap Tun M dan TSMY menjadi pemangkin kepada kebangkitan rakyat ini barang pasti.

Suka sangat bila Tun gunakan perkataan sogok menggantikan rasuah bila bercerita tentang DSN dan lebih melucukan bila bercerita perihal AG baru yang dahulu belajar undang2 tapi belajar takat 'no case' sahaja lepas tu dah khatam! Aksi Tun buat suara orang makan dedak penuh di mulut membuat hadirin ketawa terbahak2 (la ni Tun dah pandai buat lawak cara animasi pulak). Lepas majlis kelihatan Tun sudi masuk ke dalam rumah kecil milik penganjur bersama untuk sedikit 'supper' mungkin dan jam sudah hampir menunjukkan jam 12 malam (agak2nya pukul berapa Tun sampai rumah dan tidoq pukui berapa pulak – kesian Tun suami isteri warga platinum ni ).

TSMY pula bangga melihat bendera PPBM terpacak buat pertama kalinya dibumi nogori (lebih manis bila ini juga negeri kelahiran mummy Ros). TSMY sebagai bekas orang No. 2 sentiasa mengingatkan hadirin tindakan yang diambil dalam menegur DSN berlandas hadis sahih menyingkir kemungkaran iaitu Rasulullah saw. bersabda, "Barangsiapa melihat kemungkaran, hendaklah merubah dengan tangannya (yakni kuasa); jika tidak mampu, maka dengan lisannya; jika tidak mampu maka dengan hatinya, dan yang demikian itu tingkatan iman paling lemah." (HR Muslim).

Malam kelmarin kerana sungguh bersemangat TSMY berucap lebih panjang dari Tun yang tetap setia menunggu giliran.

